

# DYNA-RH CAPSULE

Glucosamine Sulfate (250 mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DYNA-RH Capsule
2. Bagaimana DYNA-RH Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan DYNA-RH Capsule
4. Cara menggunakan DYNA-RH Capsule
5. Semasa menggunakan DYNA-RH Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DYNA-RH Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DYNA-RH Capsule

Digunakan sebagai terapi tambahan untuk osteoarthritis (keradangan sendi).

## Bagaimana DYNA-RH Capsule berfungsi

Glucosamine Sulphate menangani punca utama osteoarthritis. Ia merangsang biosintesis komponen yang penting dalam kandungan tulang rawan. Ia juga menambahbaik kelikatan cecair sinovial dan penghasilan cecair di sekeliling sendi.

## Sebelum menggunakan DYNA-RH Capsule

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan DYNA-RH Capsule jika anda alergik kepada kerang.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Dapatkan nasihat perubatan sebelum memulakan rawatan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil DYNA-RH Capsule.

### - Sebelum mula menggunakan DYNA-RH Capsule

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hipersensitiviti kepada glucosamine dan kandungan lain di dalam produk ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari

farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan DYNA-RH Capsule

### - Berapa banyak harus digunakan

Simptom-simptom osteoarthritis ringan hingga sederhana: 2 kapsul, dua kali sehari untuk sekurang-kurangnya 6 minggu.

Simptom-simptom osteoarthritis yang teruk:

Terapi permulaan: 2 kapsul. 3 kali sehari untuk sekurang-kurangnya 8 minggu.

Terapi susulan: Dos pengekalan 2 kapsul, dua kali sehari untuk 3 hingga 4 bulan.

Rawatan jangka panjang: Ulangi setiap selang 6 bulan atau kurang (atau seperti dipreskripsikan)

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Kapsul perlu diambil 15 minit sebelum makan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan DYNA-RH Capsule untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada laporan berkaitan dengan terlebih dos.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda

mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan DYNA-RH Capsule

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DYNA-RH Capsule.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri DYNA-RH Capsule kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian dinasihatkan untuk orang yang mempunyai kencing manis. Adalah dinasihatkan untuk mengambil ubat anti-keradangan semasa beberapa hari pertama rawatan dengan glucosamine.

## Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan DYNA-RH Capsule:

Kardiovaskular: Pengumpulan cecair yang selalunya menyebabkan kebengkakan di kaki, peningkatan degupan jantung.

Sistem saraf pusat: Mengantuk, sakit kepala, susah tidur jarang diperhatikan.

Gastro-usus: Loya, muntah-muntah, cirir-birit, ketidakhadaman atau kesakitan epigastrik, sembelit, pedih ulu hati dan hilang selera makan.

Kulit: Reaksi kulit seperti kemerahan dan gatal-gatal.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

# DYNA-RH CAPSULE

Glucosamine Sulfate (250 mg)

---

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### DYNA-RH Capsule

#### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak  
Lindungi daripada cahaya  
Simpan di tempat kering di bawah 30°C  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Dibuat daripada makanan laut

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.  
Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna putih dan merah bertanda 'RH 250'

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Glucosamine Sulfate

- Bahan-bahan tidak aktif

PEG 3350/MACROGOL 3350,  
Magnesium Stearate, Cotacel C15  
(HPMC), Lactose powder 200 mesh,  
Chloroform Spirit & Aerosil 200.

### - Nombor MAL

MAL05121194X

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran

### Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

09/04/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)090418/00096